



Jurnal Afaq Lughawiyah
Universiti Sultan Zainal Abidin
مجلة آفاق لغوية - جامعة السلطان زين العابدين

PEMBANGUNAN MODEL PEDAGOGI QISTARAH BERASASKAN TERJEMAHAN INTERSEMIOTIK DALAM PENGAJARAN TEKS ARAB KLASIK

[DEVELOPMENT OF THE QISTARAH PEDAGOGICAL MODEL BASED ON INTERSEMIOTIC TRANSLATION IN THE TEACHING OF CLASSICAL ARABIC TEXTS]

Nurin Jazlina Zamri¹, Muhammad 'Afeef Syaker Zamri¹, Wan Abdul Hayyi Wan Omar^{1*}

¹Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

* Corresponding Author: wahayyi@unisza.edu.my

Received: 14/12/2025

Revised: 27/1/2026

Accepted: 16/2/2026

Published: 31/3/2026

Abstrak

Pengajaran teks Arab klasik di peringkat pengajian tinggi dan menengah menimbulkan cabaran linguistik, budaya dan kognitif yang besar, khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab. Struktur sintaksis yang panjang, kosa kata arkaik serta kepadatan retorik dalam karya sastra seperti Kalilah wa Dimnah menyukarkan pemahaman pembaca dan menjejaskan motivasi pelajar. Selaras dengan pedagogi abad ke-21 yang menekankan pendekatan multimodal dan berpusatkan pelajar, pengintegrasian elemen visual dalam pengajaran teks klasik mempunyai potensi besar untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Makalah ini membentangkan pembangunan Model Pedagogi QISTARAH (Qissah-Visual-Tarjamah), iaitu satu kerangka pengajaran berasaskan komik terjemahan visual dwibahasa (Arab-Melayu) yang mengintegrasikan Teori Terjemahan Intersemiotik, Teori Pengekodan Duet (Dual Coding), Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia dan Teori Beban Kognitif. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan yang merangkumi tiga fasa: analisis keperluan teoretis, sintesis teoretis dan reka bentuk instruksional. Pembangunan model melibatkan analisis semantik teks, transformasi visual yang sistematik serta reka bentuk multimedia berlandaskan prinsip kognitif. Kebolehlaksanaan model diperlihatkan menerusi contoh aplikasi keenam-enam komponen terhadap satu unit naratif daripada bab al-Ḥamāmah al-Muṭawwaqah. Huraian model menunjukkan bahawa komik terjemahan visual yang direka secara bertujuan berpotensi meningkatkan pemahaman teks, mengurangkan beban kognitif dan memperkukuh motivasi intrinsik pelajar; namun, model ini kekal pada peringkat konseptual

dan potensi tersebut belum disahkan menerusi sebarang pengujian empirikal. Makalah ini menyumbangkan satu model pedagogi berpandukan teori bagi bahasa Arab yang boleh diperluas kepada pengajaran teks klasik lain di peringkat pengajian tinggi.

Kata kunci: beban kognitif, komik, terjemahan visual, pembelajaran multimedia, QISTARAH, teks Arab klasik, terjemahan intersemiotik

Abstract

The teaching of classical Arabic texts at the higher and secondary levels presents considerable linguistic, cultural and cognitive challenges, particularly for learners who are not native speakers of Arabic. Lengthy syntactic structures, archaic vocabulary and rhetorical density in literary works such as Kalilah wa Dimnah hinder readers' comprehension and undermine learners' motivation. In keeping with twenty-first-century pedagogy, which emphasises multimodal and learner-centred approaches, the integration of visual elements into the teaching of classical texts holds considerable promise for enhancing the effectiveness of learning. This article presents the development of the QISTARAH Pedagogical Model (Qissah-Visual-Tarjamah), a teaching framework based on bilingual (Arabic-Malay) visual-translation comics that integrates Intersemiotic Translation Theory, Dual Coding Theory, the Cognitive Theory of Multimedia Learning and Cognitive Load Theory. The study adopts a design and development research approach comprising three phases: theoretical needs analysis, theoretical synthesis and instructional design. The development of the model involved semantic analysis of the text, systematic visual transformation and multimedia design grounded in cognitive principles. The feasibility of the model is illustrated through a worked example applying all six components to a narrative unit from the chapter of al-Ḥamāmah al-Muṭawwaqah (the ring-necked dove). The elaboration of the model indicates that purposefully designed visual-translation comics have the potential to improve textual comprehension, reduce cognitive load and strengthen learners' intrinsic motivation; the model nevertheless remains at the conceptual stage, and this potential has yet to be confirmed through any empirical testing. The article contributes a theory-driven pedagogical model for Arabic that may be extended to the teaching of other classical texts in higher education.

Keywords: cognitive load, comics, visual-translation, multimedia learning, QISTARAH, classical Arabic texts, intersemiotic translation

Cite as: Zamri, N.J., Zamri, M.A.S. & Wan Omar, W.A.H. (2026). Pembangunan model pedagogi QISTARAH berasaskan terjemahan intersemiotik dalam pengajaran teks Arab klasik [Development of the QISTARAH pedagogical model based on intersemiotic translation in the teaching of classical Arabic texts]. *Afaq Lughawiyyah*, 4(1), 117-138. <https://doi.org/10.37231/afaq.2026.v4i1.215>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Teks Arab klasik merupakan komponen teras kurikulum pembelajaran bahasa Arab di institusi pengajian tinggi (IPT) dan beberapa sekolah menengah, khususnya dalam kursus yang melibatkan aspek bahasa, kesusasteraan, retorik dan pemikiran Islam. Karya seperti Kalilah wa Dimnah bukan sahaja penting dalam sejarah kesusasteraan

Arab, malah berfungsi sebagai wahana penyampaian nilai moral, etika politik dan hikmah menerusi naratif alegori. Namun demikian, kerencaman linguistik yang mencirikan teks klasik, iaitu struktur sintaksis yang panjang, kosa kata arkaik dan kepadatan retorik, menjadikannya sukar difahami oleh pelajar bukan penutur jati Arab (Allen, 2000).

Dalam pembelajaran bahasa kedua, pemahaman teks yang kompleks bergantung pada pengetahuan kosa kata, kecekapan sintaksis dan kemampuan mengolah makna (Nation, 2013). Pelajar yang kurang menguasai asas leksikal lebih cenderung memproses teks secara literal dan kata demi kata, sekali gus menghalang pembinaan makna menyeluruh. Kesukaran ini sering diburukkan lagi oleh jarak budaya antara teks klasik dengan persekitaran dan pengalaman hidup pelajar kontemporari.

Di samping faktor linguistik, cabaran kognitif turut memainkan peranan penting. Teori Beban Kognitif menjelaskan bahawa pembelajaran menjadi kurang berkesan apabila kandungan terlalu kompleks dan tidak direka secara sistematik sehingga membebankan memori kerja (Sweller et al., 2011, 2019). Dalam pengajaran teks Arab klasik, kaedah tradisional yang berpaksikan syarahan guru dan terjemahan literal berkecenderungan meningkatkan beban luaran tanpa menyediakan sokongan representasi yang memadai.

Selaras dengan perkembangan pedagogi abad ke-21, pendekatan multimodal semakin mendapat perhatian dalam pendidikan bahasa. Mayer (2009, 2021) menerusi Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia menegaskan bahawa pembelajaran lebih berkesan apabila teks dan visual digabungkan secara bertujuan menurut prinsip kognitif seperti kedekatan (contiguity) dan pensegmenan (segmenting). Pendirian ini diperkukuh oleh Teori Pengekodan Duet (Dual Coding) yang berpandangan bahawa maklumat yang diproses serentak menerusi saluran verbal dan visual dapat menghasilkan representasi mental yang lebih mantap (Paivio, 1986). Justeru, pengintegrasian elemen visual dalam pengajaran teks klasik berpotensi mengurangkan beban kognitif dan meningkatkan pemahaman pelajar.

Walaupun teks Arab klasik terus diajar di peringkat universiti dan pengajian menengah, pendekatan pedagogi yang diamalkan masih bergantung besar pada pembacaan linear teks asal dan huraian tatabahasa. Kaedah sedemikian sangat menumpukan kepada analisis linguistik, tetapi kurang memberikan perhatian kepada strategi pengurusan beban kognitif dan pembinaan makna menerusi pelbagai mod representasi.

Dalam konteks Malaysia, kajian empirikal di institusi pengajian tinggi secara konsisten melaporkan kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati Arab. Keterbatasan kosa kata didapati mengganggu kelancaran pelajar melaksanakan tugas berbahasa (Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal, 2014). Sikap dan penglibatan pelajar terhadap kemahiran lisan pula menuntut sokongan pedagogi yang lebih berkesan (Ghazali Yusri et al., 2010), manakala kelemahan kemahiran menulis turut dilaporkan dalam kalangan pelajar IPTA (Noor Anida Awang et al., 2014). Keadaan ini berterusan sehingga kini. Kajian korpus Abdul Razak et al. (2020) mendapati pelajar universiti hanya menguasai sekitar 1,500 hingga

2,000 perkataan Arab, sedangkan 3,000 hingga 5,000 perkataan diperlukan bagi membolehkan mereka mengikuti pengajian dalam bidang masing-masing. Jurang antara tuntutan linguistik teks klasik dengan penguasaan sedia ada pelajar tempatan justeru adalah nyata dan signifikan. Keadaan ini memperkukuh keperluan terhadap sokongan representasi tambahan dalam pengajaran teks Arab klasik, khususnya di IPT Malaysia.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan komik dalam pendidikan mampu meningkatkan penglibatan dan pemahaman pelajar terhadap konsep yang kompleks (Hosler & Boomer, 2011). Namun, kebanyakan kajian tersebut tertumpu pada bidang sains dan pendidikan sekolah. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab klasik, penggunaan komik masih terhad dan belum dibangunkan di atas kerangka teori yang sistematik.

Konsep terjemahan intersemiotik yang diperkenalkan oleh Jakobson (1959) pula membuka ruang untuk mengadaptasi teks ke dalam bentuk visual. Walau bagaimanapun, aplikasi konsep ini dalam reka bentuk bahan pengajaran bahasa Arab klasik belum diterokai secara menyeluruh. Ketiadaan model pedagogi yang mengintegrasikan teori terjemahan dan teori kognitif dalam satu kerangka yang komprehensif merupakan lompang dalam literatur sedia ada.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan model pedagogi berpandukan teori yang mampu menggabungkan naratif klasik, visualisasi sistematik dan terjemahan dwibahasa bagi meningkatkan pemahaman pelajar terhadap teks Arab klasik di peringkat pengajian tinggi.

Kajian ini mempunyai dua tumpuan utama. Pertama, kajian mengenal pasti dimensi linguistik, budaya dan kognitif yang mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap teks Arab klasik. Pengenalpastian ini penting bagi memastikan model dibangunkan berdasarkan keperluan sebenar pelajar, selaras dengan prinsip reka bentuk instruksional yang menekankan analisis konteks pembelajaran (Richey & Klein, 2007). Kedua, kajian membangunkan Model Pedagogi QISTARAH sebagai kerangka yang mengintegrasikan konsep terjemahan intersemiotik (Jakobson, 1959) dengan Teori Pengekodan Dedua (Paivio, 1986) dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2009). Integrasi ini bertujuan menghasilkan komik terjemahan visual yang bukan sekadar menarik secara visual, tetapi berlandaskan prinsip kognitif yang menyokong pembinaan makna.

Selain itu, kajian ini turut menghuraikan justifikasi teoretis bagi potensi model dalam meningkatkan pemahaman teks dan motivasi intrinsik pelajar dan pengujian empirikal menerusi reka bentuk kuasi-eksperimen dicadangkan sebagai penyelidikan lanjutan bagi meneliti hubungan antara reka bentuk multimodal dengan pengurangan beban kognitif sebagaimana digariskan dalam Teori Beban Kognitif (Sweller et al., 2011). Akhir sekali, kajian ini turut meninjau implikasi pedagogi model terhadap pengajaran bahasa Arab klasik di peringkat universiti bagi memastikan model ini bukan sahaja mantap secara teoretis, malah praktikal dan boleh diaplikasikan dalam konteks pengajaran sebenar.

Cabaran Pengajaran Teks Arab Klasik di Institusi Pengajian Tinggi dan Menengah

Teks Arab klasik dicirikan oleh kehalusan retorik, struktur sintaksis yang kompleks dan kosa kata arkaik yang menuntut tahap kecekapan linguistik yang tinggi. Allen (2000) menegaskan bahawa kesusasteraan Arab klasik bukan sahaja kaya dengan nilai estetik, falsafah dan pengajaran, malah memperlihatkan gaya bahasa yang menuntut pemahaman mendalam terhadap konteks sejarah dan budayanya. Di peringkat pengajian tinggi dan sekolah menengah, cabaran ini menjadi lebih ketara apabila melibatkan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab.

Dalam pembelajaran bahasa kedua, pemahaman teks yang kompleks berkait rapat dengan pengetahuan kosa kata dan keupayaan menjelaskan perujukan makna (Nation, 2013). Penguasaan leksikal yang tidak memadai bakal mendorong pelajar ke arah terjemahan literal dan kata demi kata yang akhirnya mengganggu pembinaan makna secara menyeluruh, selaras dengan dapatan bahawa teks dengan ketumpatan semantik tinggi dijangka meningkatkan beban intrinsik terhadap memori kerja pelajar (Sweller et al., 2011).

Di luar pertimbangan linguistik, jurang budaya antara teks klasik dengan pengalaman pelajar kontemporari turut menyumbang kepada kesukaran dalam pentafsiran makna sebenar. Pelajar mungkin tidak memiliki skemata (struktur kognitif atau mental) berkaitan budaya yang diperlukan untuk memahami simbolisme dan alegori yang tertanam dalam sesebuah teks. Hal ini dirumitkan lagi dengan pendekatan pengajaran tradisional yang menekankan analisis tatabahasa semata-mata, tanpa menyediakan konteks representasi alternatif, berkecenderungan untuk membataskan pemahaman teks secara mendalam.

Konteks Pengajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Dalam konteks IPT Malaysia, cabaran umum tersebut diperkukuh oleh bukti empirikal tempatan. Nadwah Daud dan Nadhilah Abdul Pisal (2014), dalam kajian terhadap pelajar kursus kemahiran bahasa Arab di sebuah universiti awam, mendapati isu kekurangan kosa kata sangat mengganggu kelancaran pelajar ketika melaksanakan tugas berbahasa, khususnya tugas individu yang tidak disokong oleh konteks. Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi dan Parilah M. Shah (2010) pula melaporkan sikap dan penglibatan pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA yang menuntut pendekatan pengajaran yang lebih menarik dan berkesan. Di UniSZA pula, analisis terhadap hasil penulisan pelajar memperlihatkan kelemahan yang ketara dalam kemahiran menulis bahasa Arab (Noor Anida Awang et al., 2014). Corak yang sama turut dilaporkan di peringkat menengah: tinjauan Abdul Rahman dan Baharudin (2023) terhadap 335 pelajar Sekolah Agama Menengah di Selangor mendapati penguasaan kosa kata Arab sangat bergantung pada sokongan persekitaran bahasa, iaitu sokongan yang lazimnya tidak wujud dalam pengajaran teks klasik.

Dapatan ini menegaskan bahawa pelajar IPT Malaysia masih berhadapan dengan jurang leksikal dan sintaksis yang nyata, walaupun terhadap bahasa Arab standard moden. Jurang tersebut dijangka lebih besar apabila mereka berhadapan dengan teks klasik yang lebih tinggi aras kepadatan retorik dan keluasan kosa

katanya, sebagaimana yang dilaporkan oleh Samah et al. (2023) menerusi kajian terhadap penguasaan kosa kata sastera Arab dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda. Justeru, sebarang model pengajaran teks klasik dalam konteks tempatan wajar menyediakan sokongan representasi yang mampu mengurangkan kebergantungan mutlak terhadap penguasaan linguistik sedia ada pelajar.

Komik sebagai Medium Pedagogi dalam Pendidikan Bahasa

Pengaplikasian komik telah berkembang daripada medium hiburan kepada alat pedagogi yang bernilai instruksional. McCloud (1993) mentakrifkan komik sebagai imej berurutan yang disusun secara sengaja untuk menyampaikan makna; takrifan ini menegaskan bahawa komik bukan sekadar ilustrasi, tetapi struktur naratif visual yang mempunyai logik dan tatabahasanya yang tersendiri. Pandangan ini diperkukuh oleh Cohn (2013) yang menunjukkan bahawa imej berurutan membentuk satu 'bahasa visual' dengan leksikon dan tatabahasa naratifnya yang tersendiri, sekali gus boleh dianalisis dan direka secara sistematik dari sudut kognitif.

Kajian empirikal menunjukkan bahawa penggunaan komik dalam pendidikan mampu meningkatkan penglibatan dan pemahaman pelajar. Hosler dan Boomer (2011) mendapati penggunaan komik mampu meningkatkan pencapaian pelajar bukan pengkhususan dalam kursus berkaitan biologi; walaupun kajian tersebut dijalankan dalam bidang sains, dapatan kajian tersebut menyokong hujah bahawa media visual yang tersusun dapat memudahkan pemprosesan maklumat yang kompleks. Golding dan Verrier (2021) pula menunjukkan bahawa keberkesanan komik pendidikan meningkat apabila pelajar terlebih dahulu dibimbing membaca struktur panel, iaitu satu dapatan yang menegaskan bahawa literasi visual perlu dibina secara bertujuan dan tidak boleh diandaikan wujud.

Dalam pendidikan bahasa, komik berfungsi sebagai bentuk multimodal yang menggabungkan teks dan imej secara koheren. Integrasi ini membolehkan pelajar menangkap makna menerusi konteks visual tanpa bergantung sepenuhnya pada pentafsiran linguistik. Namun begitu, kebanyakan penggunaan komik di bilik darjah pada masa kini masih bersifat sampingan dan belum dibangunkan di atas kerangka kognitif yang sistematik dan sewajarnya.

Teori Multimodal dan Pembelajaran Kognitif

Konsep multimodaliti berpegang bahawa makna dibina menerusi interaksi pelbagai mod representasi seperti teks, imej dan simbol (Kress, 2010). Pelajar masa kini semakin cenderung memproses maklumat secara visual dan interaktif; bahan pengajaran yang berasaskan teks linear semata-mata mungkin kurang selari dengan gaya pembelajaran kontemporari.

Teori Pengekodan Dedua (Paivio, 1986) menjelaskan bahawa sistem kognitif manusia dapat memproses maklumat menerusi dua saluran utama, iaitu saluran verbal dan saluran visual. Apabila kedua-dua saluran penerimaan maklumat diaktifkan serentak, kebarangkalian pembinaan skemata mental meningkat. Prinsip ini diperluas oleh Mayer (2009) dalam Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia yang

menekankan bahawa integrasi teks dan imej mesti mematuhi prinsip kedekatan, koheren dan pensegmenan bagi mengoptimumkan pembelajaran.

Dalam konteks teks Arab klasik yang kompleks, integrasi visual berpotensi mengurangkan beban ekstraneus dan membantu pelajar membina model mental yang lebih tersusun. Keberkesanan pendekatan multimodal bagaimanapun bergantung pada reka bentuk yang sistematik dan berpandukan teori, bukan penambahan elemen visual secara sewenang-wenangnya.

Adaptasi Terjemahan Intersemiotik dalam Pembelajaran Teks Sastera

Jakobson (1959) memperkenalkan konsep terjemahan intersemiotik sebagai pemindahan makna daripada sistem tanda linguistik kepada sistem tanda bukan linguistik. Konsep ini membuka ruang untuk mengadaptasi teks ke dalam bentuk visual tanpa terikat sepenuhnya pada terjemahan interlingual.

Kress dan van Leeuwen (2006) menegaskan bahawa visual mempunyai tatabahasa representasi yang membentuk cara makna dibina. Justeru, adaptasi teks sastera ke dalam bentuk komik menuntut analisis semantik yang teliti bagi mengelakkan pengguguran berlebihan atau penyelewengan makna asal.

Perkembangan mutakhir dalam pengajian terjemahan turut memperkukuh asas ini. Pârlog (2019) menegaskan bahawa terjemahan intersemiotik berkait rapat dengan multimodaliti dan berupaya menjadikan sesuatu pengetahuan lebih mudah dicapai oleh khalayak yang sukar memahaminya dalam bentuk asalnya; pandangan ini secara langsung menyokong rasional pemindahan teks klasik kepada representasi visual bagi tujuan pedagogi. Dalam konteks bahasa Arab secara khusus, Mahasneh dan Abdelal (2022) menganalisis ilustrasi dalam buku bergambar kanak-kanak Inggeris-Arab menerusi teori tanda Peirce dan menyimpulkan bahawa proses resemiotisasi tersebut wajar dikira sebagai terjemahan intersemiotik, sekali gus menunjukkan bahawa gagasan terjemahan intersemiotik terus dimanfaatkan secara aktif dalam kajian bahan visual Arab kontemporari.

Walaupun adaptasi karya klasik Barat kepada novel grafik terus berkembang, aplikasi konsep intersemiotik dalam pengajaran bahasa Arab klasik masih terhad dalam perbincangan literatur akademik. Kelangkaan penyelidikan sistematik dalam bidang ini menunjukkan keperluan terhadap model pedagogi yang dapat mengintegrasikan teori terjemahan dan teori pembelajaran secara bersama.

Kerangka Konseptual dan Lompang Kajian

Berdasarkan literatur yang disoroti, beberapa lompang utama dapat dikenal pasti. Pertama, pengajaran teks Arab klasik di IPT masih didominasi oleh pendekatan tradisional berasaskan teks dan '*al-naḥw wa al-tarjamah*'. Kedua, penyelidikan tentang komik dalam pendidikan jarang menyentuh kesusasteraan klasik mahupun konteks bahasa Arab. Ketiga, walaupun teori terjemahan intersemiotik dan teori pembelajaran multimedia masing-masing telah berkembang pesat, integrasi kedua-duanya dalam satu model pedagogi bahasa Arab belum dilaksanakan secara sistematik.

Sehubungan itu, pembangunan Model Pedagogi QISTARAH berhasrat mengisi lompang tersebut dengan menyediakan kerangka yang menggabungkan naratif klasik, visualisasi intersemiotik dan terjemahan dwibahasa dalam satu reka bentuk instruksional berlandaskan teori kognitif. Sintesis empat teori yang mendasari model ini dirumuskan dalam Jadual 1, yang memperlihatkan bahawa model ini tidak dibina secara arbitrari, sebaliknya berpaksikan asas teoretis yang jelas. Model ini diharapkan memperkaya literatur pedagogi bahasa Arab dan menawarkan alternatif kepada pendekatan tradisional yang sedia ada.

Jadual 1 *Sintesis Teoretis yang Mendasari Model QISTARAH*

Teori	Pelopor Utama	Prinsip Teras	Aplikasi dalam Model QISTARAH
Terjemahan Intersemiotik	Jakobson (1959)	Pemindahan makna antara sistem tanda linguistik dan bukan linguistik	Transformasi teks Arab klasik kepada naratif visual berbentuk komik; asas transformasi teks-ke-visual
Teori Pengekodaan Dedua	Paivio (1986)	Pemprosesan maklumat menerusi saluran verbal dan visual	Integrasi teks Arab, terjemahan Melayu dan ilustrasi visual dalam satu panel; pengukuhan representasi mental
Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	Mayer (2009, 2021)	Prinsip kedekatan, koheren dan pensegmenan	Reka bentuk panel komik yang berstruktur dan tersusun secara kognitif
Teori Beban Kognitif	Sweller et al. (2011, 2019)	Pengurusan beban intrinsik, ekstraneus dan germane	Pengurangan beban ekstraneus (luaran) menerusi visualisasi dan penstrukturan semula teks

METODOLOGI PEMBANGUNAN MODEL QISTARAH

Kajian ini mengadaptasi pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (*design and development research*) yang bermatlamat membina model pedagogi menerusi sintesis teoretis dan analisis literatur yang sistematik. Pendekatan ini lazim digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi membangunkan kerangka instruksional berpandukan teori sebelum pengujian empirikal dijalankan (Richey & Klein, 2007). Berbeza dengan kajian eksperimental yang menilai keberkesanan

intervensi menerusi data kuantitatif, penyelidikan pembangunan model menumpukan konseptualisasi, sintesis teoretis dan spesifikasi terperinci reka bentuk pedagogi.

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab klasik, ketiadaan model pedagogi yang mengintegrasikan teori terjemahan dan teori pembelajaran kognitif menunjukkan keperluan terhadap pendekatan pembangunan model yang sistematik. Justeru, metodologi kajian ini menekankan tiga dimensi utama: analisis keperluan teoretis, sintesis konseptual dan reka bentuk instruksional.

Reka Bentuk Kajian Konseptual

Reka bentuk kajian berpaksikan paradigma konstruktivis yang memandang pembelajaran sebagai proses pembinaan makna menerusi interaksi antara pengetahuan sedia ada dengan rangsangan baharu. Dalam paradigma ini, reka bentuk bahan pengajaran perlu menyokong pembinaan skemata mental secara aktif, bukan sekadar menyalurkan maklumat secara linear.

Pendekatan pembangunan model QISTARAH dalam kajian ini dirancang mengikut kerangka Richey dan Klein (2007) yang menetapkan bahawa penyelidikan pembangunan melibatkan: (1) analisis masalah dan keperluan konteks; (2) pembangunan prototaip atau model; (3) penjelasan rasional teoretis; dan (4) dokumentasi proses reka bentuk. Keempat-empat elemen ini diaplikasikan secara sistematik bagi memastikan Model Pedagogi yang bakal dibangunkan mendasari prinsip teoretikal yang kukuh, bukan sekadar inovasi intuitif.

Fasa Pertama: Analisis Keperluan Teoretis

Fasa pertama melibatkan analisis mendalam terhadap literatur dalam tiga domain utama: kesusasteraan Arab klasik, teori terjemahan dan teori pembelajaran kognitif. Sorotan keserjanaan sastera Arab menunjukkan bahawa teks klasik memperlihatkan ciri retorik dan simbolisme yang kompleks (Allen, 2000), manakala pengetahuan kosa kata memainkan peranan kritikal dalam pemahaman teks bahasa kedua (Nation, 2013). Tambahan pula, teks klasik kerap merujuk konteks budaya yang jauh daripada latar pengalaman pelajar kontemporari, dan jarak budaya ini boleh menjejaskan pentafsiran maksud. Analisis keperluan turut mengambil kira bukti empirikal tempatan tentang kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Malaysia (Ghazali Yusri et al., 2010; Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal, 2014; Noor Anida Awang et al., 2014), sekali gus menyediakan asas keperluan yang lebih menekankan aspek prinsipal dalam pembangunan model.

Dari sudut kognitif, pembelajaran yang kompleks menuntut pengurusan beban intrinsik, ekstraneus dan *germane* (Sweller, 2023; Sweller et al., 2011, 2019). Kaedah tradisional yang berasaskan pembacaan linear berkecenderungan meningkatkan beban ekstraneus kerana pelajar terpaksa memproses maklumat linguistik dan makna naratif secara serentak tanpa sokongan representasi visual. Reka bentuk bahan yang

mampu mengurangkan beban ekstraneus dan menstruktur semula maklumat justeru menjadi satu keperluan pedagogi.

Fasa Kedua: Sintesis Teoretis

Fasa kedua melibatkan sintesis empat teori utama yang menjadi asas Model QISTARAH sebagaimana dirumuskan dalam Jadual 1. Konsep terjemahan intersemiotik menyediakan asas transformasi teks Arab klasik ke bentuk komik visual; Teori Pengekodaan Dedua menyokong integrasi saluran verbal dan visual bagi pembinaan representasi mental yang lebih stabil (Paivio, 1986); prinsip kedekatan, pensegmenan dan koheren memastikan reka bentuk visual menyokong dan bukannya mengganggu pemprosesan kognitif (Mayer, 2009); manakala visualisasi naratif berfungsi sebagai mekanisme penstrukturan semula maklumat bagi mengurangkan beban ekstraneus (Sweller et al., 2011).

Fasa Ketiga: Reka Bentuk Model Pedagogi QISTARAH


Berdasarkan analisis dan sintesis tersebut, Model QISTARAH dirangka sebagai kerangka berlapis yang merangkumi enam komponen: (1) Qissah (pemilihan naratif); (2) analisis linguistik, semantik dan budaya; (3) transformasi intersemiotik; (4) visualisasi komik berurutan; (5) integrasi terjemahan dwibahasa; dan (6) reka bentuk multimedia berlandaskan prinsip kognitif. Reka bentuk ini menegaskan bahawa visualisasi bukan elemen ilustratif semata-mata, tetapi sebahagian integral struktur pedagogi yang menyokong pembinaan makna.

Kerangka ini selaras dengan elemen keempat kerangka Richey dan Klein (2007), iaitu dokumentasi proses reka bentuk, keputusan reka bentuk utama yang mendasari pembangunan model didokumentasikan dalam Jadual 2.

Jadual 2 *Prinsip Asas Model QISTARAH*

Dimensi Reka Bentuk	Keputusan Reka Bentuk	Kriteria/Garis Panduan Operasional
Pemilihan unit naratif (Komponen 1)	Episod terpilih daripada Kalilah wa Dimnah yang lengkap dan alegorik	Kesinambungan plot; kejelasan konflik dan peleraian; bilangan watak yang terurus; potensi visualisasi adegan
Protokol analisis semantik (Komponen 2)	Analisis leksikal dan budaya dijalankan sebelum sebarang lakaran visual	Senarai istilah arkaik berserta padanan makna; pentafsiran metafora dan simbol; catatan konteks budaya

Penentuan saliensi visual (Komponen 3)	Satu unit makna dipetakan kepada satu adegan visual	Elemen naratif teras diberi penonjolan komposisi; susunan panel mengikut logik kronologi naratif
Reka bentuk panel (Komponen 4 dan 6)	Panel ringkas tanpa elemen hiasan berlebihan	Prinsip pensegmenan, kedekatan dan koheren (Mayer, 2009, 2021); kawalan ketumpatan maklumat setiap panel
Susun atur dwibahasa (Komponen 5)	Teks Arab dan terjemahan Melayu diletakkan berdekatan dalam panel yang sama	Prinsip kedekatan spatial; kesetiaan makna terhadap teks sumber



Rajah 1: Sinergi Tonggak dan Komponen Model QISTARAH

Akronim QISTARAH merangkumkan tiga tonggak model, iaitu Qissah (naratif), Visual (representasi imej berurutan) dan Tarjamah (terjemahan dwibahasa). Enam komponen operasional di atas mengoperasikan ketiga-tiga tonggak tersebut: komponen (1) dan (2) mengoperasikan tonggak Qissah; komponen (3) dan (4) tonggak Visual; manakala komponen (5) dan (6) tonggak Tarjamah, berserta prinsip reka bentuk kognitif yang menyerap ke seluruh model.

Kesahan Konseptual Model

Dalam penyelidikan pembangunan model, kesahan tidak dibina menerusi statistik, tetapi menerusi koheren teoretis dan kesejajaran komponen model. Kesahan konseptual dicapai melalui konsistensi integrasi teori, kesepadanan antara cabaran

pedagogi dengan penyelesaian yang ditawarkan model, serta kejelasan aliran proses reka bentuk (Richey & Klein, 2007). Namun, harus diakui bahawa kajian ini belum melalui prosedur pengesahan pakar secara formal; semakan panel pakar dalam bidang terjemahan Arab dan teknologi pendidikan (misalnya menerusi teknik Fuzzy Delphi) dicadangkan sebagai langkah pengesahan lanjutan sebelum pengujian empirikal dijalankan.

Justifikasi Pendekatan Konseptual

Pemilihan pendekatan konseptual bersesuaian dengan peringkat awal pembangunan model. Sebelum pengujian empirikal dilaksanakan, adalah penting untuk memastikan model berpaksikan asas teoretis yang mantap dan rasional pedagogi yang jelas. Pendekatan ini membolehkan struktur model dan hubungannya dengan teori sedia ada dijelaskan secara menyeluruh; penyelidikan lanjutan kemudiannya boleh menilai keberkesanan model menerusi reka bentuk eksperimental.

HURAIAN MODEL PEDAGOGI QISTARAH

Model Pedagogi QISTARAH dibangunkan sebagai kerangka konseptual yang mengintegrasikan teori terjemahan dan psikologi kognitif dalam pengajaran teks Arab klasik. Model ini berpaksikan prinsip bahawa kesukaran memahami teks klasik bukan berpunca daripada faktor linguistik semata-mata, tetapi turut melibatkan proses pemprosesan maklumat dan pembinaan makna dalam memori kerja pelajar.

Berbeza dengan pendekatan tradisional yang menekankan pembacaan linear dan huraian tatabahasa, Model QISTARAH menggunakan transformasi intersemiotik dan visualisasi berurutan sebagai mekanisme penstrukturan semula maklumat, selaras dengan pandangan bahawa pembelajaran yang berkesan menuntut integrasi sistematik pelbagai mod representasi (Kress, 2010; Mayer, 2009).

Asas Konseptual Model

Dari sudut epistemologi, Model QISTARAH berakar pada dua domain utama: teori terjemahan (*Translation Studies*) dan teori pembelajaran kognitif (*Educational Psychology*). Integrasi kedua-dua domain menghasilkan model yang bukan sahaja memelihara kesetiaan terhadap makna teks sumber, malah mengoptimumkan pemahaman pelajar. Asas teoretis setiap komponen model telah dirumuskan dalam Jadual 1 dan tidak diulang di sini.

Komponen 1: Qissah (Pemilihan dan Struktur Naratif)

Komponen pertama berkaitan pemilihan unit naratif yang sesuai daripada teks klasik. Dalam karya seperti *Kalilah wa Dimnah*, struktur cerita yang bersifat episodik dan alegorik memudahkan pensegmenan naratif. Allen (2000) menegaskan bahawa teks Arab klasik kerap mengandungi makna retorik berlapis yang menuntut analisis struktur wacana. Justeru, pemilihan naratif dalam model ini mengambil kira kesinambungan plot, kejelasan konflik dan peleraian, serta potensi visualisasi adegan bagi memastikan proses adaptasi tidak mengorbankan struktur naratif asal.

Komponen 2: Analisis Semantik dan Budaya

Sebelum sebarang transformasi visual dijalankan, analisis semantik yang teliti diperlukan. Nation (2013) menekankan bahawa pemahaman teks bergantung pada pengetahuan kosa kata dan konteks penggunaannya. Analisis ini bertujuan mengenal pasti istilah arkaik, mentafsir metafora dan simbolisme, serta menetapkan konteks budaya; proses ini menjadi benteng terhadap risiko reduksi semantik apabila teks ditransformasikan ke bentuk visual.

Komponen 3: Transformasi Intersemiotik

Transformasi intersemiotik merupakan komponen teras model: teks linguistik dialihkan kepada representasi visual berurutan. Proses ini melibatkan pemetaan unit makna kepada adegan visual, penentuan salience (*salience*) visual, dan penyusunan panel mengikut logik naratif. Kress dan van Leeuwen (2006) menjelaskan bahawa visual mempunyai tatabahasanya yang tersendiri, merangkumi komposisi dan pbingkaian (*framing*); justeru, visualisasi perlu dirancang secara sistematik agar makna tidak terpesong.

Komponen 4: Visualisasi Komik Berurutan

Komik berperanan sebagai medium naratif multimodal. McCloud (1993) memerhatikan bahawa komik membolehkan pembaca membina makna menerusi proses klosur (*closure*) antara panel. Dalam model ini, setiap panel mewakili satu unit makna yang jelas; prinsip pensegmenan (Mayer, 2009) diaplikasikan bagi memastikan maklumat disampaikan secara berperingkat, sekali gus mengurangkan beban ekstraneus. Visual turut direka tanpa elemen hiasan yang berlebihan, selaras dengan prinsip koheren pembelajaran multimedia.

Komponen 5: Integrasi Terjemahan Dwibahasa

Model QISTARAH menggabungkan teks Arab asal dengan terjemahan bahasa Melayu dalam setiap panel. Integrasi ini membolehkan pelajar mengekalkan hubungan dengan teks sumber, memahami makna literal dan membandingkan struktur kedua-dua bahasa. Teori Pengekodaan Dedua (Paivio, 1986) berpandangan bahawa maklumat yang diproses menerusi dua saluran meningkatkan pengekalan dan pemahaman; teks Arab, terjemahan dan visual dengan itu membentuk tiga lapisan representasi yang saling memperkuat.

Komponen 6: Reka Bentuk Multimedia dan Beban Kognitif

Reka bentuk model dipandu oleh prinsip kedekatan spatial, pensegmenan dan koheren (Mayer, 2009). Sweller et al. (2011) turut menegaskan bahawa pembelajaran yang berkesan menuntut pengurangan beban ekstraneus; visualisasi dalam Model QISTARAH justeru berfungsi sebagai mekanisme penstrukturan maklumat yang mengoptimumkan kapasiti memori kerja.

Contoh Aplikasi Model: Petikan daripada Bab al-Ḥamāmah al-Muṭawwaqah

Bagi memperlihatkan kebolehlaksanaan model, bahagian ini menunjukkan aplikasi keenam-enam komponen terhadap satu unit naratif daripada bab *al-Ḥamāmah al-Muṭawwaqah* (Merpati Bergelang) dalam *Kalīlah wa Dimnah*, iaitu episod yang mengisahkan sekawan merpati yang terperangkap dalam jaring pemburu dan terselamat menerusi tindakan kolektif (sebuah episod yang lengkap konflik dan penyelesaiannya serta kaya dengan potensi visual). Ayat pembuka episod tersebut berbunyi:

زعموا أنه كان بأرض سكاوندجين، عند مدينة داهر، مكان كثير الصيد،
ينتابه الصيادون؛ وكان في ذلك المكان شجرة كثيرة الأغصان ملتفة الورق فيها
وكر غراب.


Terjemahan: "Dikisahkan bahawa di negeri Sakawandajin, berhampiran kota Dahir, terdapat sebuah kawasan yang kaya dengan binatang buruan dan sering dikunjungi para pemburu; di tempat itu tumbuh sebatang pohon yang rendang dahannya lagi lebat daunnya, dan padanya terdapat sarang seekor burung gagak."

Jadual 3 merumuskan bagaimana unit naratif ini diproses menerusi keenam-enam komponen model sehingga terhasil spesifikasi panel komik terjemahan visual. Bagi panel pertama, misalnya, ayat pembuka di atas dipaparkan dalam bahasa Arab di bahagian atas panel dan terjemahan bahasa Melayu tepat di bawahnya, manakala visualnya memaparkan pohon rendang dengan seekor gagak di sarangnya memerhatikan kawasan buruan (satu unit makna, satu panel).

Jadual 3 Aplikasi Enam Komponen Model QISTARAH terhadap Unit Naratif Terpilih

Komponen	Aplikasi terhadap Unit Naratif al-Ḥamāmah al-Muṭawwaqah
1. Qissah (pemilihan naratif)	Episod jaring pemburu dipilih kerana strukturnya lengkap (pengenalan latar → konflik perangkap → peleraian tindakan kolektif) dan temanya, iaitu kerjasama, jelas serta sesuai untuk divisualisasikan.
2. Analisis semantik dan budaya	Istilah arkaik dikenal pasti dan dihuraikan, contohnya <i>yantābuhu</i> (sering dikunjungi silih berganti) dan <i>wakr</i> (sarang burung); latar budaya perburuan berjaring dijelaskan; simbolisme <i>al-muṭawwaqah</i> sebagai lambang kepimpinan dicatatkan.

3. Transformasi intersemiotik
Unit makna dipetakan kepada empat adegan: (i) latar pohon rendang dan gagak yang memerhati; (ii) pemburu menebar jaring dan umpan; (iii) kawanan merpati hinggap lalu terperangkap; (iv) kawanan merpati terbang serentak membawa jaring. Saliensi visual diberikan kepada jaring dan gerakan kolektif.
4. Visualisasi komik berurutan
Empat hingga enam panel dirancang; setiap panel memuatkan satu unit makna sahaja selaras dengan prinsip pensegmenan; elemen latar dikawal selaras dengan prinsip koheren.
5. Integrasi terjemahan dwibahasa
Teks Arab asal diletakkan di bahagian atas setiap panel dan terjemahan bahasa Melayu tepat di bawahnya, selaras dengan prinsip kedekatan spatial.
6. Reka bentuk multimedia dan beban kognitif
Kotak glosari kecil bagi istilah arkaik disertakan pada panel pertama sebagai pra-latihan leksikal; palet warna neutral digunakan bagi mengelakkan beban ekstraneus.



Rajah 2 Transformasi Model QISTARAH daripada Teks Sumber kepada Komik

Rajah 2 memperlihatkan bahawa model ini beroperasi sebagai satu aliran transformasi makna daripada teks sumber sehingga pembinaan skemata mental pelajar dalam bentuk komik.

Implikasi terhadap Reka Bentuk Instruksional

Model ini mencadangkan bahawa adaptasi teks klasik menuntut analisis semantik yang sistematik; visualisasi mesti mematuhi prinsip multimedia; terjemahan dwibahasa perlu disusun secara berdekatan; dan reka bentuk panel mesti mengurangkan ketumpatan maklumat. Dengan itu, model ini menegaskan bahawa inovasi pedagogi mesti berpaksikan integrasi teoretis, bukan kreativiti visual semata-mata.

Sumbangan Konseptual Model

Model QISTARAH menyumbang kepada perluasan aplikasi terjemahan intersemiotik dalam pendidikan bahasa, pengintegrasian teori terjemahan dengan psikologi kognitif, serta pembangunan kerangka multimodal bagi teks klasik. Penyelidikan lanjutan boleh menguji model ini secara empirikal bagi menilai keberkesanannya dalam persekitaran bilik darjah yang sebenar.

PERBINCANGAN

Bahagian ini menilai secara kritis kedudukan Model Pedagogi QISTARAH dalam landskap pedagogi bahasa Arab serta memperincikan sumbangan teoretikal dan praktikal model yang dicadangkan. Berbeza dengan artikel empirikal yang mentafsir dapatan statistik, perbincangan ini menumpukan analisis konseptual terhadap kekuatan, relevansi dan potensi aplikasi model.

Kedudukan Model dalam Pedagogi Bahasa Arab

Pengajaran teks Arab klasik di IPT Malaysia secara tradisinya berpaksikan pendekatan filologi yang menekankan analisis *naḥw* dan *ṣarf* berserta terjemahan literal (*al-naḥw wa al-tarjamah*). Walaupun pendekatan tersebut penting bagi membantu pelajar memahami struktur linguistik, namun pendekatan ini kerap kali mengabaikan pemprosesan kognitif pelajar bukan penutur jati Arab. Allen (2000) berhujah bahawa kesusasteraan Arab klasik menuntut pendekatan interpretif yang melangkaui analisis tatabahasa semata-mata.

Model QISTARAH mencadangkan peralihan daripada pendekatan linear kepada pendekatan multimodal berpandukan teori; menerusi integrasi visualisasi intersemiotik dan terjemahan dwibahasa dalam struktur komik berurutan, model ini memperluas jalan akses kepada teks klasik tanpa menjejaskan integriti makna asal (Kress, 2010).

Sumbangan kepada Teori Terjemahan

Dari sudut teori terjemahan, model ini dapat memperluas aplikasi kajian terjemahan intersemiotik, iaitu konsep yang banyak dibincangkan dalam kajian adaptasi sastera

dan media tetapi jarang diaplikasikan dalam pedagogi bahasa Arab. Model QISTARAH memperlihatkan bahawa terjemahan intersemiotik bukan sekadar adaptasi kreatif, malah boleh menjadi asas reka bentuk instruksional. Dengan memindahkan makna linguistik kepada sistem tanda visual secara sistematik, model ini memelihara struktur naratif sambil menyediakan sokongan kognitif kepada pelajar, selaras dengan pandangan Kress dan van Leeuwen (2006) bahawa visual memiliki tatabahasa representasi yang boleh dianalisis dan direka secara sistematik.

Sumbangan kepada Psikologi Pembelajaran

Dari perspektif psikologi kognitif, model ini mengintegrasikan Teori Pengekoden Dedua dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia dalam pengajaran teks klasik. Paivio (1986) berpendirian bahawa maklumat yang diproses serentak menerusi saluran verbal dan visual meningkatkan kestabilan representasi mental, manakala Mayer (2009) menunjukkan bahawa integrasi teks dan imej mesti mematuhi prinsip kedekatan dan pensegmenan bagi mengelakkan beban kognitif yang berlebihan.

Dari sudut Teori Beban Kognitif pula, visualisasi berfungsi mengurangkan beban ekstraneus dan membolehkan pelajar menumpukan perhatian kepada pembinaan makna (Sweller et al., 2011). Justeru, model ini berlandaskan reka bentuk pedagogi yang konsisten dengan asas saintifik pembelajaran.

Sumbangan dengan Pendekatan Tradisional

Pendekatan tradisional pengajaran bahasa Arab klasik lazimnya menekankan pembacaan rapi teks asal dan huraian tatabahasa yang terperinci. Sungguhpun pendekatan tersebut membina kecekapan linguistik, ia kurang memberi perhatian kepada pengurusan beban kognitif dan pembinaan konteks visual. Model QISTARAH tidak menggantikan analisis linguistik; sebaliknya menambah lapisan sokongan representasi yang diharap dapat membantu pelajar membentuk model mental naratif. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan pemahaman tanpa mengurangkan nilai akademik teks klasik.

Perbandingan Kritis dan Isu Reduksi Semantik

Model ini juga wajar dinilai berbanding amalan adaptasi sedia ada. Adaptasi karya klasik kepada novel grafik lazimnya berorientasikan penerbitan kreatif dan tidak dipandu secara eksplisit oleh teori pembelajaran; nilai pedagogi pendekatan ini banyak bergantung pada budi bicara pengajar yang menggunakannya.

Model QISTARAH berbeza dengan pendekatan lain kerana proses transformasinya dipandu oleh protokol analisis semantik dan prinsip reka bentuk kognitif yang dinyatakan secara eksplisit (Jadual 2), sekali gus boleh direplikasi dan dinilai. Sungguhpun demikian, satu perkara yang wajar diberi perhatian ialah risiko reduksi semantik: kehalusan retorik teks klasik (seperti irama *saj'*, unsur *badi'* dan ketaksaan yang disengajakan) tidak semuanya dapat dipindahkan ke dalam sistem tanda visual (Kress & van Leeuwen, 2006; Pârlog, 2019).

Model ini cuba menanganinya menerusi dua mekanisme: pengekaln kehalusan dan ketulenan teks Arab asal dalam setiap panel, yang memastikan pelajar sentiasa boleh kembali kepada lafaz sumber, dan komponen analisis semantik yang mendokumentasikan makna berlapis sebelum divisualisasikan secara naratif. Namun, keberkesanan kedua-dua mekanisme ini dalam memelihara dimensi retorik kekal sebagai persoalan empirikal yang perlu diuji, dan pengajaran aspek balaghah mungkin tetap menuntut huraian lisan pensyarah di samping medium komik.

Kekuatan Konseptual Model

Beberapa kekuatan utama Model QISTARAH dapat dikenal pasti: (1) integrasi teoretis yang koheren dan sistematik; (2) penekanan terhadap pengurusan beban kognitif; (3) pemeliharaan integriti teks sumber menerusi terjemahan dwibahasa; dan (4) keserasian dengan pendekatan multimodal kontemporari. Kekuatan ini menjadikan model ini wajar diuji secara empirikal dalam penyelidikan lanjutan.

Limitasi Konseptual

Sebagai model konseptual, beberapa batasan perlu diakui. Pertama, keberkesanan model belum diuji secara empirikal dalam bilik darjah sebenar. Kedua, kesesuaian model mungkin berbeza mengikut tahap penguasaan pelajar. Ketiga, proses transformasi intersemiotik menuntut kepakaran dalam analisis teks dan reka bentuk visual. Keempat, model ini belum melalui prosedur pengesahan pakar secara formal, iaitu satu langkah yang mesti dilengkapkan sebelum sebarang pengujian keberkesanan dijalankan. Pengakuan terhadap limitasi ini penting bagi menghasilkan perbincangan yang seimbang dan reflektif.

Hala Tuju Penyelidikan Lanjutan

Penyelidikan lanjutan boleh menilai keberkesanan Model QISTARAH menerusi reka bentuk kuasi-eksperimen atau kajian tindakan. Adaptasi model ke bentuk digital interaktif turut boleh diterokai bagi meneliti kesan teknologi terhadap pemahaman teks klasik. Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa Model Pedagogi QISTARAH menawarkan kerangka konseptual berpandukan teori yang jelas; walaupun masih pada peringkat konseptual dan separa pengujian, prinsip asas yang dicadangkan diyakini kukuh dan menjadikannya wajar diuji dan diperkembangkan dalam penyelidikan empirikal.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Bahagian ini memperincikan implikasi teoretis, pedagogi dan penyelidikan yang timbul daripada pembangunan Model Pedagogi QISTARAH. Sebagai model konseptual, sumbangan utamanya terletak pada integrasi teoretis dan potensi aplikasinya dalam pendidikan bahasa Arab di IPT.

Implikasi Teoretikal

Model QISTARAH menyumbang kepada perluasan wacana ilmiah dalam dua domain utama, iaitu pengajian terjemahan dan psikologi pembelajaran. Dengan mengoperasikan konsep intersemiotik dalam pembangunan komik terjemahan visual untuk tujuan pengajaran, model ini memperlihatkan bagaimana teori terjemahan boleh menjadi asas reka bentuk instruksional, sekali gus memperluas capaian pengajian terjemahan ke dalam pedagogi bahasa. Dari perspektif psikologi pembelajaran, model ini mengintegrasikan Teori Pengekodaan Dedua (Paivio, 1986) dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2009) dalam pengajaran kesusasteraan klasik, iaitu satu bidang yang jarang disentuh dalam literatur multimedia. Penekanan terhadap pengurusan beban kognitif turut konsisten dengan prinsip Teori Beban Kognitif (Sweller et al., 2011).

Implikasi terhadap Amalan Pengajaran Bahasa Arab

Dari segi praktikal, Model QISTARAH menyediakan panduan yang konkrit kepada pensyarah bahasa Arab. Pertama, model ini mewajibkan analisis semantik sebelum visualisasi, sekali gus memelihara integriti akademik teks klasik (Allen, 2000). Kedua, penggunaan komik terjemahan visual dapat meningkatkan penglibatan pelajar menerusi pendekatan multimodal (Kress, 2010). Ketiga, model ini boleh diaplikasikan merentas pelbagai kursus, termasuk kesusasteraan klasik, pembacaan intensif dan kebudayaan Arab, serta boleh diperluas kepada karya klasik lain seperti teks *adab* dan hikayat.

Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum

Pada peringkat kurikulum, Model QISTARAH menyokong pendidikan berasaskan hasil (*outcome-based education*). Dengan menyediakan struktur terjemahan visual yang sistematik, model ini membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran berkaitan pemahaman teks, analisis naratif dan pentafsiran simbolik. Integrasi visual boleh berperanan sebagai komponen sokongan kurikulum tanpa menggantikan teks asal.

Potensi Perluasan Model

Model QISTARAH boleh diperluas menerusi integrasi elemen audiovisual bagi menyokong kemahiran sebutan, pembangunan modul latihan pensyarah, serta adaptasi kepada teks klasik dan tradisi Islam seperti hadis dan tafsir. Perluasan tersebut wajar dilaksanakan secara sistematik dan berlandaskan penilaian empirikal bagi menjamin kesahan dan keberkesanan model.

KESIMPULAN

Makalah ini telah membentangkan pembangunan Model Pedagogi QISTARAH sebagai kerangka konseptual yang mengintegrasikan teori terjemahan dan psikologi pembelajaran dalam pengajaran teks Arab klasik di peringkat pengajian tinggi.

Berlandaskan analisis literatur yang sistematik dan sintesis teoretis, model ini direka bagi menangani cabaran linguistik dan kognitif yang lazim dihadapi pelajar bukan penutur jati bahasa Arab.

Secara teori, model ini dapat memperluas aplikasi terjemahan intersemiotik dengan mengoperasikannya dalam reka bentuk instruksional. Integrasi Teori Pengekodan Dedua (Paivio, 1986) dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2009) memperkukuh asas konseptual model, manakala penekanannya terhadap pengurusan beban kognitif selari dengan prinsip Teori Beban Kognitif (Sweller et al., 2011).

Secara pedagogi, Model QISTARAH menawarkan alternatif kepada pendekatan tradisional yang berpaksikan pembacaan linear dan huraian tatabahasa semata-mata. Menerusi komik terjemahan visual yang berlandaskan analisis semantik yang teliti, model ini berpotensi meningkatkan pemahaman pelajar tanpa menjejaskan integriti teks klasik (Kress, 2010).

Namun, sebagai model di peringkat konseptual, makalah ini belum melaporkan sebarang dapatan empirikal tentang keberkesanan pelaksanaan model dalam bilik darjah sebenar. Penyelidikan lanjutan diperlukan bagi menilai impak Model QISTARAH terhadap pemahaman teks, motivasi pelajar dan kemahiran analisis sastra menerusi reka bentuk kuasi-eksperimen atau kajian tindakan.

Secara keseluruhannya, Model Pedagogi QISTARAH menyumbangkan satu kerangka berpanduan teori bagi pedagogi bahasa Arab yang mengintegrasikan dimensi linguistik, visual dan kognitif dalam satu struktur yang koheren, sekali gus menyediakan asas bagi penyelidikan empirikal akan datang.

PENGHARGAAN

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) atas sokongan kewangan menerusi Skim Geran SoTL (No. Geran: UniSZA/2023/SoTL/005).

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: Ethical approval was not required for this study.

REFERENCES

- Abdul Rahman, K., & Baharudin, H. (2023). Pengaruh persekitaran bahasa terhadap penguasaan kosa kata Arab pelajar. *Issues in Language Studies*, 12(1), 71-89. <https://doi.org/10.33736/ils.5374.2023>
- Abdul Razak, Z. R., Samah, R., & Ismail, S. (2020). Tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar universiti: Satu kajian korpus di Universiti Sains Islam Malaysia.

- International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(1), 71–80.
<https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.3544>
- Allen, R. (2000). *An introduction to Arabic literature*. Cambridge University Press.
- Cohn, N. (2013). *The visual language of comics: Introduction to the structure and cognition of sequential images*. Bloomsbury Academic.
- Ghazali Yusri, N. M. R., & Shah, P. M. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 15–33.
- Golding, S., & Verrier, D. (2021). Teaching people to read comics: The impact of a visual literacy intervention on comprehension of educational comics. *Journal of Graphic Novels and Comics*, 12(5), 824–836.
<https://doi.org/10.1080/21504857.2020.1786419>
- Hosler, J., & Boomer, K. B. (2011). Are comic books an effective way to engage nonmajors in learning? *CBE – Life Sciences Education*, 10(3), 309–317.
<https://doi.org/10.1187/cbe.10-11-0138>
- Jakobson, R. (1959). On linguistic aspects of translation. In R. A. Brower (Ed.), *On translation* (pp. 232–239). Harvard University Press.
- Kress, G. (2010). *Multimodality: A social semiotic approach to contemporary communication*. Routledge.
- Kress, G., & van Leeuwen, T. (2006). *Reading images: The grammar of visual design* (2nd ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203619728>
- Mahasneh, A. A., & Abdelal, R. (2022). Resemiotization of illustrations in children's picture books between English and Arabic. *SAGE Open*, 12(2), 1–15.
<https://doi.org/10.1177/21582440221093364>
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press.
<https://doi.org/10.1017/CBO9780511811678>
- Mayer, R. E. (2021). *Multimedia learning* (3rd ed.). Cambridge University Press.
<https://doi.org/10.1017/9781316941355>
- McCloud, S. (1993). *Understanding comics: The invisible art*. Tundra Publishing.
- Nadwah Daud, & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117–133. <https://doi.org/10.17576/GEMA-2014-1401-08>
- Nation, I. S. P. (2013). *Learning vocabulary in another language* (2nd ed.). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9781139858656>
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat, & Nurazan Mohamad Rouyan. (2014). Analisa kelemahan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar UniSA. In *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014* (pp. 1–11). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia & Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Paivio, A. (1986). *Mental representations: A dual coding approach*. Oxford University Press.
- Pârlog, A.-C. (2019). *Intersemiotic translation: Literary and linguistic multimodality*. Palgrave Pivot. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-16766-0>

- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Samah, R., Isahak, A., Mohd Nathir, K. A., Abd Majid, M. Y., Mohd Nawawi, M. A. A., & Ahmad, H. (2023). Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam bidang sastra dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64–77.
- Sweller, J. (2023). The development of cognitive load theory: Replication crises and incorporation of other theories can lead to theory expansion. *Educational Psychology Review*, 35(4), Article 95. <https://doi.org/10.1007/s10648-023-09817-2>
- Sweller, J., Ayres, P., & Kalyuga, S. (2011). *Cognitive load theory*. Springer. <https://doi.org/10.1007/978-1-4419-8126-4>
- Sweller, J., van Merriënboer, J. J. G., & Paas, F. (2019). Cognitive architecture and instructional design: 20 years later. *Educational Psychology Review*, 31(2), 261–292. <https://doi.org/10.1007/s10648-019-09465-5>